

Media Title : Berita Harian
Headline : Laba pracukai Cypark naik RM50.97 juta
Date : 2 January 2016
Page : 5
Size : 6.6x14.8



Laba pracukai Cypark naik RM50.87 juta

Keuntungan sebelum cukai Cypark Resources Bhd bagi tahun kewangan 2015 berakhir pada 31 Oktober, meningkat kepada RM50.87 juta daripada RM43 juta pada tahun sebelumnya.

Pendapatannya turut menokok kepada RM251.85 juta daripada RM238.80 juta, sebelum ini.

Keuntungan sebelum cukai kumpulan itu bagi suku keempat meningkat sebanyak 34.0 peratus kepada RM10.5 juta daripada RM7.8 juta manakala pendapatannya naik 12.7 peratus kepada RM55.7 juta daripada RM49.5 juta, sebelum ini.

Peningkatan Fasa Kedua

Dalam satu kenyataan, pemaju tenaga boleh diperbaharui serta penyedia penyelesaian kejuruteraan hijau itu menyifatkan prestasi lebih baik itu adalah disumbang aktiviti Fasa Kedua projek kejuruteraan alam sekitar di Ladang Tanah Merah yang sudah dimulakan pada suku semasa.

Cypark berkata, pendapatannya bagi segmen kejuruteraan alam sekitar itu naik secara ketara hasil peningkatan pelaksanaan aktiviti Fasa Kedua projek kejuruteraan berkenaan.

Keuntungan sebelum cukai pada suku semasa pula meningkat sebanyak 68.3 peratus hasil peningkatan pendapatan serta penurunan kos kewangan. **BERNAMA**